

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01.04.2014

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP) untuk 33 item barangan biasa seperti ayam, daging, paip, kasut, pakaian, dan syarikat di Jadual 1 dan 2 yang tamat tempoh pada 31 Disember 2013 telah dilanjutkan walaupun Kerajaan telah memberikan jaminan "tender terbuka" untuk segala perolehan dalam Program Transformasi Kerajaan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan (MoF) sedang meneliti penambahbaikan bagi peraturan dan proses perolehan Kerajaan selaras dengan

Treasury Transformation Programme (TTP). Untuk tujuan ini, item-item Kontrak Pusat Sistem Panel (Kontrak Panel) telah dilanjutkan selama satu (1) tahun berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014 bagi membolehkan MoF merangka hala tuju Kontrak Pusat dan Kontrak Panel yang baru, agar selaras dengan dasar-dasar semasa Kerajaan yang memberi penekanan kepada penjimatan (*saving*) dan nilai faedah yang terbaik kepada Kerajaan (*best value for money*). Pelaksanaan Kontrak Pusat dan Kontrak Panel diuruskan melalui persaingan terbuka.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS
[ROMPIN]
TARIKH : 1 APRIL 2014 (SELASA)
SOALAN : Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [Rompin] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi membanteras:-
- a) kegiatan pukat tunda/jerut haram yang berleluasa sehingga boleh menyebabkan kepupusan ikan-ikan layaran di mana ikan layaran merupakan satu produk (ikon) bagi tarikan pelancong-pelancong ke Rompin; dan
 - b) bagi membendung kegiatan pukat tunda/jerut ini di samping melindungi spesies tersebut, apakah langkah-langkah yang sewajarnya perlulah diambil oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Ikan layaran yang merupakan satu produk (ikon) bagi tarikan pelancong-pelancong ke Rompin, bukan merupakan spesies ikan yang ditumpu untuk ditangkap (*target species*). Penangkapan ikan layaran ini adalah secara *By-Catch* yang mana ia tertangkap semasa berenang bersama dengan ikan yang lain yang merupakan *target species* di perairan Malaysia.

Bagi membanteras kegiatan pukat tunda/jerut haram yang berleluasa, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil beberapa langkah bagi menangani kegiatan ini. Pada 2013, Jabatan Perikanan (DOF) telah berjaya menyediakan *National Plan Of Action (NPOA) On IUU Fishing* selaras dengan keperluan *Code Of Conduct For Responsible Fisheries (CCRF)*.

DOF sentiasa mempergiatkan program pemantauan dan pengawasan bagi membendung aktiviti penangkapan ikan yang menggunakan peralatan yang dilarang dan bertentangan dengan Akta Perikanan 1985. Sekiranya mana-mana vesel melakukan kesalahan dibawah Akta Perikanan 1985, DOF boleh mengambil tindakan dengan mengenakan kompaun atau didakwa di mahkamah mengikut Seksyen 8 atau Seksyen 11 atau Seksyen 31 di bawah Akta Perikanan 1985. Jika sabit kesalahan, lesen vesel tersebut boleh digantung atau disenarai hitamkan mengikut Seksyen 13 Akta Perikanan 1985.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang merupakan agensi tunggal yang bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan di laut juga menjalankan penguatkuasaan maritim mengikut Akta Perikanan 1985. APMM dan DOF sentiasa bekerjasama dalam menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Akta Perikanan 1985.